



# KUPASAN MUTU JAWAPAN

**PENDIDIKAN ISLAM 2  
1223/2**

**SPM  
2014**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kod : 1223/2  
Markah : 100  
Masa : 1 jam 40 minit

**REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Instrumen ini mengandungi 5 soalan subjektif  
Calon dikehendaki menjawab semua soalan  
Jumlah markah : 100 markah  
Cakupan konteks : Ayat al-Quran dan hadis kefahaman, hafazan, tajwid dan Jawi

Konstruk ditaksir : Pengetahuan 30%, Pemahaman 30%, Kemahiran 40%

**PRESTASI KESELURUHAN**

Secara keseluruhan, calon yang berprestasi cemerlang mampu menjawab soalan dengan jelas, tepat dan mengikut kehendak soalan. Mereka juga boleh menguasai sukatan pelajaran, huraian sukatan, isi kandungan dan kemahiran soalan yang dikemukakan. Manakala calon sederhana dapat menjawab soalan dengan baik serta menguasai sebahagian isi sukatan pelajaran, huraian sukatan, isi kandungan dan kemahiran soalan. Walau bagaimanapun calon lemah masih gagal memahami soalan, kurang menguasai isi kandungan pelajaran dan tidak menguasai kemahiran al-Quran, kemahiran tajwid dan kemahiran jawi.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON****Kumpulan Tinggi**

Mutu jawapan yang kemas, tersusun dan isi jawapan dihuraikan serta diolah dengan menarik dan baik. Jawapan calon menunjukkan calon menguasai pengetahuan dan kemahiran berfikir aras tinggi. Calon mengemukakan jawapan yang menepati dengan tugas soalan tilawah dan hadis kefahaman berkaitan maksud, hikmah, kesan, contoh, ciri, cara, balasan, kelebihan, kesan, pengajaran, kemahiran membaca dan menulis jawi, kemahiran hafazan dan kemahiran tajwid. Sebahagian besar calon mengemukakan alternatif jawapan yang lebih daripada yang dikehendaki.

Jawapan jawi ditulis dengan baik dan menyusun dan melengkapkan tilawah hafazan dengan betul dan tepat sebagaimana dalam al-Quran. Calon mampu mengemukakan jawapan yang bersesuaian dengan laras bahasa dan menepati konsep pengajaran bagi soalan pengajaran ayat dan hadis. Calon juga dapat mempersembahkan jawapan yang tepat yang menunjukkan mereka menguasai hukum tajwid dan cara bacaan dengan baik.

Calon kumpulan ini menulis dengan kemas dan mudah dibaca. Jawapan calon menggambarkan mereka menguasai dan menghayati tajuk dengan pelbagai konstruk seperti pengetahuan, pemahaman, kemahiran dengan baik. Calon juga berjaya menjawab soalan pelbagai aras rendah, sederhana dan tinggi dengan cemerlang.

### **Kumpulan Sederhana**

Jawapan sebahagian calon adalah baik serta boleh menguasai teknik menjawab dengan baik. Walau bagaimanapun terdapat sebahagian soalan yang gagal dijawab oleh calon, khususnya dalam bahagian ayat dan hadis kefahaman serta tajwid. Olahan jawapan yang kurang lengkap kerana tidak memahami kata tugas soalan. Terdapat juga sebahagian calon yang dapat memberi alternatif jawapan tetapi faktanya berulang-ulang. Ada calon menjawikan petikan tidak mengikut kaedah Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kumpulan ini secara keseluruhannya dapat menjawab sebahagian ceraihan soalan dengan baik mengikut kehendak soalan. Walau bagaimanapun calon tidak dapat mengemukakan jawapan yang tepat berkaitan soalan pengajaran ayat dan hadis, hukum tajwid serta menjawikan petikan. Calon tidak menguasai isi pelajaran dengan baik. Sebahagian calon yang lain mengemukakan isi jawapan yang meleret sehingga memerlukan tafsiran pemeriksa. Seseengah calon yang lain memberi alternatif jawapan yang banyak tetapi faktanya berulang. Calon tidak mengikut Kaedah Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka sepenuhnya semasa menjawab soalan menjawikan petikan. Pada keseluruhannya calon dalam kumpulan ini berjaya menguasai dan memahami tajuk yang diuji tetapi kerana cuai semasa menjawab menyebabkan mereka gagal mengemukakan jawapan yang baik.

### **Kumpulan Rendah**

Jawapan kumpulan ini memberi jawapan yang tidak tepat mengikut kehendak soalan. Sebahagian calon tidak menguasai isi pelajaran seperti maksud, hikmah, kesan, contoh, ciri, cara, balasan, kelebihan, kesan, pengajaran, kemahiran membaca dan menulis Jawi, kemahiran hafazan dan kemahiran tajwid. Calon juga tidak menguasai isi pelajaran dengan baik. Calon tidak menghafaz ayat hafazan menyebabkan mereka tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Calon juga tidak menguasai kemahiran tajwid dan Jawi.

Sebilangan kecil calon hanya menyalin soalan tanpa mengemukakan jawapan. Terdapat calon yang cuba menjawab soalan tetapi jawapan yang diberikan menyimpang daripada jawapan sebenar. Bahasa yang digunakan tidak jelas dan kadang-kadang tidak difahami. Jawapan calon juga tidak kemas serta kadang kala sukar dibaca. Jawapan calon hanya tertumpu kepada soalan satu atau soalan dua sahaja. Ceraihan soalan yang lain langsung tiada sebarang jawapan contohnya soalan menjawikan dan tajwid.

## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan 1

Firman Allah SWT:

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَبْلِهِمْ مِنْ قَرْنٍ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّنْ  
لَكُمْ وَأَرْسَلْنَا السَّمَاءَ عَلَيْهِمْ مِدْرَارًا وَجَعَلْنَا الْأَنْهَارَ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ  
بِذُنُوبِهِمْ وَأَنْشَأْنَا مِنْ بَعْدِهِمْ قَرْنًا آخَرِينَ ﴿٦﴾

(Surah al-An'am: 6)

#### Soalan 1(a)(i)

Ayat di atas menerangkan bahawa manusia hendaklah mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah SWT

Berdasarkan ayat di atas,

Senaraikan tiga contoh nikmat Allah SWT ke atas hamba-Nya.

Soalan ini meminta calon menyenaraikan tiga contoh nikmat Allah SWT.

Tiga contoh nikmat Allah SWT ke atas hamba-Nya

- dikurniakan pangkat dan kedudukan yang tinggi

- diturunkan hujan yang lebat

- kawasan tanah pertanian yang subur - iman

- sungai yang mengalir - islam

- diteguhkan kedudukan mereka di bumi - Kesihatan tubuh

- dikurniakan harta dan kekayaan yang banyak

Jawapan yang dikemukakan oleh calon adalah tepat, jelas, lengkap dan menepati kehendak soalan. Calon memahami kehendak soalan iaitu contoh nikmat Allah SWT. Calon menguasai kandungan surah al-An'am ayat 6 dengan baik.

i. Tiga contoh nikmat Allah ke atas

- Memberi akal untuk berfikir

- Memberi tubuh yang sihat dan sempurna

- Memberi rezeki yang mencukupi untuk menyara hidup

Jawapan dikemukakan sebelah adalah hampir tepat tetapi sebahagian jawapan tidak dinyatakan dengan terperinci. Calon mempunyai kefahaman yang agak terhad mengenai kefahaman ayat di atas.

Senaraikan tiga contoh nikmat Allah SWT ke atas hamba-Nya.

- Kita mestilah bersyukur apa yang Allah berikan kepada kita contohnya

rezeki yang ada di depan mata

- jangan terlalu tamat dengan orang lain. Contohnya makanan, minuman dan sebagainya

- rezeki datang kepada diri kita. contohnya sentiasa berbuat baik kepada orang lain

Calon mengemukakan jawapan yang menyimpang daripada yang dikehendaki. Soalan meminta calon menyenaraikan contoh nikmat Allah SWT tetapi jawapan tidak menepati kehendak soalan kerana calon memberi contoh perbuatan seperti "mentaati perintahnya". Calon keliru dengan fokus soalan. Akibatnya calon tidak menguasai pelajaran dan tidak memahami kehendak soalan.

### Soalan 1(a)(ii)

Nyatakan dua cara bersyukur kepada Allah SWT

Soalan ini meminta calon menyatakan dua cara bersyukur kepada Allah SWT.

Cara bersyukur kepada Allah s.w.t

- mengucapkan 'Alhamdulillah' apabila mendapat rezeki

- menggunakan nikmat yang dikurniakan ke arah jalan yang benar dan diridhai

- melakukan sujud syukur

- taat kepada perintah Allah s.w.t

- sentiasa menunaikan ibadah kepada Allah dan sentiasa mengingati-Nya

- bertahmid kepada Allah s.w.t

Jawapan mengemukakan contoh pilihan jawapan yang banyak. Pilihan jawapan tepat, jelas dan disusun dengan rapi. Calon memahami dan menguasai kehendak soalan (cara bersyukur) dengan baik. Calon dapat menghayati isi pelajaran surah al-An'am ayat 6 dalam kehidupan seharian mereka.

ii. dua cara bersyukur kpd Allah s.w.t

- Menggunakan nikmatnya untuk membuat perkara yang baik

- Sentiasa berdoa atas nikmat yang <sup>telah</sup> diberi oleh Allah s.w.t

Jawapan di sebelah adalah hampir tepat. Sebahagian kecil calon mengemukakan jawapan yang tidak berfokus kepada konsep cara iaitu tidak mengemukakan jawapan kosa kata perbuatan pada permulaan ayat jawapan.

ii) Dua cara bersyukur

- Bersyukur dengan pemberian Allah
- Bersyukur apa yang telah diberi

Jawapan di atas adalah menyimpang daripada kehendak soalan. Soalan menghendaki cara bersyukur tetapi jawapan yang diberi tiada kaitan langsung dengan tugas soalan.

### **Soalan 1(a)(iii)**

Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas.

Soalan ini meminta calon menerangkan dua pengajaran ayat.

Dua pengajaran ayat:

- Setiap manusia perlulah menggunakan nikmat yang  
dibenikan oleh Allah ke jalan yang benar agar hidup sentiasa  
diridhaiNya.
- Manusia janganlah bersifat sombang dan angkuh terhadap  
Allah agar tidak mendapat balasan azab yang pedih daripada  
Allah.
- Kita perlulah sentiasa rajin beribadah sebagai tanda  
kesyukuran kepada Allah terhadap rezeki yang dikurniakan.

Calon mengemukakan jawapan yang banyak dan menepati dengan konsep soalan pengajaran iaitu manusia perlu bersyukur. Jawapan disusun rapi, dengan huraian yang lengkap dan terperinci serta mantap memenuhi tuntutan soalan "terangkan" yang memerlukan isi dan huraian.

iii. Terangkan pengajaran daripada ayat di atas

- Kita hendaklah bersyukur dengan nikmat yang diberikan kepada Allah SWT

- Kita mesti taat setia dengan suruhan-Nya

Calon mengemukakan jawapan yang menepati dengan tugas soalannya iaitu pengajaran tetapi faktanya berulang. Calon menguasai isi pelajaran surah al-An'am ayat 6. Jawapan diberi berbentuk pernyataan tanpa huraian. Calon tidak menguasai kehendak tugasannya iaitu "terangkan" yang memerlukan jawapan isi dan huraian.

Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas

- Kita <sup>mestilah</sup> ~~mesta~~ bersyukur apa yang ada di <sup>muka</sup> ~~buka~~ bumi ini

- kita janganlah berlagak semata-mata nak menunjuk apa yang kita ada di muka bumi ini -

Jawapan di atas adalah menyimpang daripada kehendak soalnya. Calon tidak memahami konsep pengajaran. Jawapan ditulis menulis mengikut tekaan dan gagal menguasai isi pelajaran surah al-An'am ayat 6 iaitu cara bersyukur. Calon tidak menjawab kata tugas "terangkan" yang memerlukan calon menulis isi dan huraian.

### Soalan 1 (b)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ، فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا، وَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ. ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلُ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَا رَبُّ يَا رَبُّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغَدِي بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَحَابُ لَهُ.

(رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan tuntutan makan makanan yang halal.

Berdasarkan hadis di atas,

### Soalan 1 (b)(i)

Nyatakan tiga ciri makanan yang halal.

Soalan ini meminta calon menyatakan tiga ciri makanan halal.

- Tiga ciri makanan yang halal
- Makanan dimasak oleh orang Islam
  - Tidak mempunyai kandungan anjing atau khinzir
  - Makanan yang bersih
  - Makanan yang menyihatkan
  - Makanan yang lazat
  - Makanan yang suci
  - Makanan yang suci hasil dari sumber yang halal.
  - Makanan yang tidak memberikan sebarang kemudahan.

Calon mengemukakan jawapan yang baik dan menepati kehendak soalan iaitu ciri makanan yang halal. Mereka juga mengemukakan pilihan jawapan yang banyak dan disusun dengan baik dan teratur. Jawapan di atas menunjukkan calon menguasai isi pelajaran hadis (makanan yang baik) dengan baik serta memahami konsep ciri dengan baik dan mantap.

Tiga ciri makanan yang halal:

- Makanan yang berkhasiat
- Makanan yang bersih
- Makanan yang mengandungi zat besi

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang terhad. Pilihan jawapan itu pula menunjukkan calon keliru antara ciri dengan contoh. Calon kurang menguasai isi pelajaran (hadis makanan yang baik) dan tidak memahami dengan baik konsep ciri dalam tugas soal.

i) Nyatakan tiga ciri makanan yang halal

- mencari rezeki yang halal
- mendapatkan pekerjaan yang halal
- memberi rezeki dengan secukupnya

Contoh jawapan di atas adalah menyimpang daripada kehendak soalan yang meminta ciri makanan yang halal. Calon keliru antara konsep ciri dan contoh

### Soalan 1 (b)(ii)

Jelaskan hikmah makan makanan yang halal

Soalan ini meminta calon menjelaskan hikmah makanan halal.

Hikmah makan makanan yang halal.

- Tubuh badan terpelihara daripada perkara - perkara kotor
- Hati tidak menjadi gelap
- Mudah menunaikan ibadah kerana tidak makan makanan yang haram
- memunyai pembadi yang mulia kerana makanan yang halal menyebabkan hati seseorang terpelihara daripada perkara yang kotor
- Tubuh badan sihat daripada penyakit - penyakit tidak diingini
- Doa mudah dimakbulkan oleh Allah s.w.t kerana datang daripada seseorang individu yang jujur daripada makanan yang ada unsur haram.

Calon mengemukakan contoh jawapan yang jelas dan menepati tugas soalan. Contoh jawapan yang banyak serta tepat. Calon memahami dan menghayati konsep (hikmah) dengan baik. Calon juga menguasai isi pelajaran hadis makanan yang baik dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

ii - jelaskan hikmah makanan yang halal.

- Mengelakkan kita dari dicemari dengan makanan yang haram.
- Membantu kita mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Jawapan yang dikemukakan hampir tepat tetapi terhad dan berulang. Calon kurang menguasai isi pelajaran hadis makanan yang baik. Terdapat calon tidak memberi jawapan dalam bentuk positif sebagaimana yang dikehendaki soalan. Ada sebahagian calon menjawab menggunakan jawapan negatif dengan menulis perkataan TIDAK di hadapan jawapan.

ii) Jelaskan hikmah makanan halal

- Makanan selain dari orang Islam

- Makanan yang di masak sendiri

Jawapan di atas adalah menyimpang daripada kehendak soalan. Soalan meminta respon "hikmah" tetapi calon mengemukakan jawapan contoh. Calon tidak memahami tugas soalan "hikmah" dan tidak menguasai isi kandungan hadis makanan yang baik.

### Soalan 1 (b)(iii)

Terangkan hubungan antara makanan dengan ibadah

Soalan ini meminta calon menyatakan hubungan antara makanan dengan ibadat.

Hubungan antara makanan dan ibadah

Makanan yang halal memudahkan Allah menerima ibadah yang dilakukan oleh seseorang

Makanan yang halal menjamin kesihatan badan untuk terus melakukan ibadah kepada Allah

Calon mengemukakan jawapan yang banyak dan ditulis dengan jelas dan tepat sebagaimana yang dikehendaki tugas soalan. Calon memahami dan menghayati konsep "soalan hubungkait" iaitu antara makanan dan ibadah. Jawapan diberi menggambarkan calon menguasai keseluruhan isi pelajaran hadis makanan yang baik dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

1b'iii - Orang yang makan makanan yang baik  
ibadat akan diterima.

Calon mengemukakan sebahagian jawapan yang mengikuti kehendak soalan iaitu hubungkait antara makanan dan ibadah tetapi jawapan terhad dan berulang. Jawapan diberi tidak menunjukkan hubungan antara makanan dan ibadat, jawapan lebih kepada penerangan sahaja. Calon kurang menguasai isi pelajaran hadis dengan pengetahuan yang terhad.

iii) Antara makanan dan ibadah.

makanan	ibadah
- makanan yang di masak	- ibadah yang dilakukan
- yang telah disediakan	- ibadah masyarakat

Jawapan yang dikemukakan menyimpang daripada kehendak soalan. Soalan meminta calon menulis hubungkait antara makanan dan ibadah tetapi calon mengemukakan jawapan tiada perkaitan dan tidak difahami. Calon tidak memahami konsep sebenar soalan kerana mereka gagal menguasai isi kandungan hadis.

### Soalan 1 (c)

(c) Susun semula potongan ayat di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran.

Anda dikehendaki menulis nombor sahaja.

1	وَأَنَا أَوْلُ الْمُسْلِمِينَ
2	قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي
3	لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
4	لَا شَرِيكَ لَهُ <sup>ط</sup> وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ

(Surah al-An'am: 162 – 163)

Soalan ini meminta calon menyusun potongan ayat mengikut tertib.

Potongan ayat-

- 2, 3, 4, 1

Calon mengemukakan jawapan yang tepat sebagaimana dalam al-Quran. Calon menguasai ayat hafazan surah al-An'am ayat 162 - 163 dengan baik.

(3)

(1)

(2)

(4)

Calon mengemukakan jawapan sebahagiannya yang betul. Sebahagian kecil calon hanya meneka jawapan dan ada juga calon menjawab dengan menulis semula ayat disebabkan mereka kurang menguasai ayat hafazan surah al-An'am ayat 162 – 163 dengan baik.

2, 3, 1, 4

Calon tidak mengenal huruf al-Quran hingga tidak dapat menguasai dan menghafaz ayat tersebut.

## Soalan 2

2 (a) Firman Allah SWT:

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَعَزَّتْهُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَّرَ بِهِمْ  
أَنْ تُبَسَّلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ  
تَعَدَّلَ كُلٌّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذُ مِنْهَا<sup>٥٥</sup> أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ  
شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(Surah al-An'am: 70)

Ayat di atas menerangkan larangan perbuatan mempersendakan agama Allah SWT.

Berdasarkan ayat di atas,

### Soalan 2 (a)(i)

Nyatakan dua golongan yang mempersendakan agama

Soalan ini meminta calon menyatakan dua golongan yang mempersendakan agama.

- golongan musyrik
- golongan murtad
- golongan munafik
- golongan asi

Calon mengemukakan jawapan yang tepat, jelas, lengkap dan menepati kehendak soalan iaitu golongan yang mempersendakan agama. Pilihan jawapan yang banyak dan disusun dengan baik serta mudah difahami. Calon menguasai kefahaman surah al-An'am ayat 70.

1) Munafik

2) Musyrik

3) Asi

~~4)~~ \_\_\_\_\_

Jawapan yang dikemukakan hampir tepat dengan kehendak soalan iaitu "golongan yang mempersendakan agama". Calon kurang menguasai isi pelajaran surah al-An'am ayat 70. Sebahagian kecil calon mengemukakan jawapan perbuatan mempersendakan agama bukan golongan sebagaimana yang dikehendaki seperti tidak berpuasa

2(a)(i) 1. kaum ad  
2. kaum luth

Jawapan yang dikemukakan calon tidak menepati kehendak soalan. Calon gagal menguasai isi pelajaran surah al-An'am ayat 70.

### **Soalan 2 (a)(ii)**

Jelaskan dua balasan terhadap golongan yang mempersendakan Agama

Soalan ini meminta calon menjelaskan dua balasan terhadap golongan yang mempersendakan Agama.

ii) 2 balasan terhadap golongan yang mempersendakan agama.

- Disiksa di kubur nanti
- Disiksa, diazab di neraka
- Masuk Neraka dan diminum air mengelegak
- Dimurkai Allah
- Terbatal iman

Calon mengemukakan pelbagai contoh jawapan yang tepat, jelas dan disusun dengan teratur dan kemas. Calon memahami konsep "balasan" terhadap golongan yang mempersendakan agama dengan betul bersesuaian dengan isi pelajaran surah al-An'am ayat 70.

iii) Dua balasan terhadap orang yang mempersendakan agama

- mendapat azam di Akhirat.
- Dilaknat oleh Allah di dunia dan diakhirat.
- Hidup tidak akan diregar oleh Allah.
- Dibenci oleh masyarakat.

Calon mengemukakan pilihan jawapan yang betul tetapi bilangan jawapan terhad dan mengulang jawapan. Sebahagian kecil calon mengemukakan jawapan dalam bentuk kesan secara umum bukannya balasan berdasarkan ayat tersebut.

(ii) 1. Akan dimurkai Allah s.w.t dan tidak mendapat keberkatan di dunia dan akhirat.

2. Akan dibinasakan oleh Allah s.w.t seperti yang terjadi terhadap kaum ad dan luth.

Calon mengemukakan jawapan yang salah dan menyimpang dari kehendak soalan kerana soalan menghendaki "balasan" semasa di akhirat terhadap golongan yang mempersendakan agama.

### Soalan 2(a)(iii)

Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas

Soalan ini meminta calon menerangkan dua pengajaran daripada ayat.

- (iii) Dua pengajaran daripada ayat di atas ialah:
- Kita janganlah mempersendakan agama agar hidup  
mendapat keredhaan dari Allah SWT
  - Kita haruslah menjaga nama baik agama supaya agama  
Islam tidak dipandang hina oleh masyarakat yang  
bertlainan agama.

Calon mengemukakan pelbagai contoh pengajaran yang menepati kehendak soalan. Kebanyakan jawapan yang diberi adalah sistematik dan baik. Susunan jawapan calon juga bertepatan dengan kehendak kata tugas soalan "Terangkan" yang memerlukan isi dan huraian.

iii) dua pengajaran ayat:

- 1) Kita sebagai umat Islam mestilah sama-sama mengingatkan  
dan menjaga maruah dan kesucian agama Islam agar tidak  
tercemar.
- 2) Kita mestilah mendalami ilmu agama supaya tidak melakukan  
perbuatan yang boleh menjatuhkan martabat agama Islam  
seperti mempersendakan agama.

Jawapan di atas adalah baik, menepati dengan konsep soalan "pengajaran" tetapi kurang contoh pilihan jawapan. Sebahagian jawapan dikemukakan tanpa huraian dan sebahagian lagi dalam bentuk ayat pernyataan dan bukan konsep pengajaran seperti kehendak soalan.

(iii) Dua pengajaran

1. Kita hendaklah menuruti perintah Allah s.w.t
2. Kita hendaklah menuntut ilmu agama.

Jawapan yang tidak memenuhi kehendak soalan. Jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Terdapat calon berusaha memberi jawapan yang ringkas tetapi masih memberi maksud pengajaran.

**Soalan 2 (b)(i)**

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بِمَنْكِبِي فَقَالَ  
كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ  
فَلَا تَنْتَظِرُ الصَّبَاحَ، وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرُ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ  
لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

(رواه البخاري)

Hadis di atas menerangkan kelebihan menyegerakan segala urusan kehidupan.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud potongan hadis berikut:

إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرُ الصَّبَاحَ

Soalan ini meminta calon menyatakan maksud potongan hadis.

(b)(i) Maksud potongan hadis ialah hendaklah kamu menyegerakan sesuatu perkara itu

Jawapan yang menepati isi kandungan potongan hadis "Apabila kamu berada pada waktu petang janganlah tunggu menjelangnya waktu pagi". Calon memahami dan menguasai isi pelajaran hadis dengan baik.

- "dan segeralah kamu melaksanakan tugas kamu"

Jawapan di atas adalah menyimpang daripada maksud potongan hadis yang diberi hadis "Apabila kamu berada pada waktu petang janganlah tunggu menjelangnya waktu pagi". Jawapan calon hanya merujuk kepada pengetahuan sedia ada dan tidak memahami potongan hadis yang diberi.

T) Maksud potongan hadis ialah kehidupan didunia ibarat seorang perantau dan menghargai masa.

Calon mengemukakan jawapan dengan menulis tajuk hadis sahaja. Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat kerana tidak memahami dan menguasai maksud hadis dengan baik.

**Soalan 2 (b) (ii)**

Jelaskan kelebihan menyegerakan urusan dalam kehidupan

Soalan ini meminta calon menjelaskan kelebihan menyegerakan urusan dalam kehidupan.

(ii) Kelebihan menyegerakan urusan dalam kehidupan ialah kehidupan akan menjadi lebih teratur. Sebab itu, akan mendapat ketenangan dalam melakukan sesuatu perkara. Selanjutnya, dapat membuang sikap malas yang ada dalam diri serta dapat mendisiplinkan diri.

Contoh jawapan yang banyak dan menepati kehendak soalan. Ayat disusun dengan baik dan diolah mengikut laras bahasa yang sesuai dengan konsep "kelebihan". Calon menguasai isi pelajaran dan konsep soalan "kelebihan" dengan tepat dan mantap.

ii) Antara kelebihan menyegerakan urusan dalam kehidupan ialah  
- dapat menamatkan segala tugas mengikut waktu yang ditetapkan.  
- dapat menggunakan masa yang ada dengan perkara yang bermanfaat.  
- kerja yang dilakukan tidak akan bertangguh dan memudahkan kita untuk mengemukakan hal yang lain.

Jawapan di atas adalah betul tetapi kurang contoh jawapan. Sebahagian kecil calon memberikan jawapan dalam bentuk teknik pengurusan masa. Calon tidak dapat membezakan antara kelebihan dan teknik. Calon kurang menguasai isi pelajaran hadis ini.

(ii) Supaya kerja kita mudah diselesaikan dan tidak bertangguh serta dapat menjimatkan masa.

Calon mengemukakan jawapan yang tidak sistematik dan lemah penguasaan bahasa. Contoh jawapan yang diberikan menunjukkan mereka faham dengan kehendak soalan.

**Soalan 2 (b)(iii)**

Jelaskan teknik pengurusan masa yang berkesan.

Soalan ini meminta calon menjelaskan teknik pengurusan masa yang berkesan.

(iii) Teknik pengurusan masa yang jelas berkesan ialah dengan membuat jadual waktu. Selain itu, melakukan perkara yang sepatutnya dilakukan di awal waktu. Selanjutnya tidak menanggung pekerjaan yang harus dilakukan.

Calon mengemukakan contoh jawapan yang banyak dan ditulis dengan jelas, tepat mengikut tugas soal. Calon memahami dan menghayati konsep soal "teknik pengurusan masa yang berkesan" dengan baik.

iii) - menyediakan jadual waktu.  
- menggunakan masa lapang untuk membaca buku-buku yang berfaedah.  
- membahagikan masa untuk beribadat dan menuntut ilmu pengetahuan yang berfaedah.

Calon mengemukakan contoh jawapan yang terhad walaupun jawapan calon menepati kehendak soal. Sebahagian kecil calon mengemukakan jawapan kelebihan mengurus masa bukannya teknik pengurusan masa. Calon kurang menguasai isi pelajaran hadis secara terperinci.

(iii) Dengan membuat jadual waktu, kita akan dapat melakukan sesuatu kerja dengan mudah dan teratur. Kita juga tidak akan terburu-buru.

Jawapan di atas masih mengikut kehendak soal. Jawapan yang diberi hanya mengulas secara umum pengurusan masa tanpa mengemukakan jawapan yang menepati dengan konsep "teknik" pengurusan masa.

**Soalan 2 (c)**

(c)

A	B	C	D
لِنُورِهِ	نُورٍ	عَلِيمٌ	الْأَمْثَلِ

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D yang betul daripada jadual di atas.

Anda hanya perlu menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.

<p>نُورٌ عَلَىٰ _____ (i) _____ يَهْدِي اللَّهُ _____ (ii) _____ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَيَضْرِبُ اللَّهُ</p> <p>_____ (iii) _____ لِلنَّاسِ ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ _____ (iv) _____</p> <p>(Surah an-Nur: 35)</p>
---

Soalan ini meminta calon memilih jawapan yang betul dari pilihan jawapan.

(c)(i) B

(ii) A

(iii) D

(iv) C

Jawapan bagi ayat 35 surah an-Nur adalah lengkap sebagaimana di dalam al-Quran. Calon menguasai ayat hafazan secara lisan dan bertulis.

T) D

II) B

III) A

IV) C

Jawapan melengkapkan ayat 35 surah an-Nur adalah hampir tepat. Calon kurang menguasai ayat di atas secara bertulis sehingga calon keliru semasa memilih jawapan untuk melengkapkan tempat kosong. Terdapat juga sebahagian calon yang menulis semula ayat sedangkan soalan memerlukan nombor sahaja.

- (i) D  
 (ii) B  
 (iii) A  
 (iv) C

Contoh di atas adalah jawapan yang meneka. Calon tidak menguasai ayat, sama ada secara lisan atau bertulis.

### Soalan 3 (a)

3 (a) Firman Allah SWT:

وَأَنَّ أَحَدًا مِّنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجْرُهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغَهُ  
 مَأْمَنَهُ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

(Surah at-Taubah: 6)

Ayat di atas menuntut umat Islam supaya membimbing dan mengajar orang bukan Islam.

Berdasarkan ayat di atas,

#### Soalan 3 (a)(i)

Nyatakan dua bentuk bimbingan yang disarankan oleh Islam.

Soalan ini meminta calon menyatakan bentuk bimbingan dan pengajaran kepada orang bukan Islam.

- a)(i) 2 bentuk bimbingan yang
- Memberi perlindungan
  - Dengarkan kalam Allah kepadanya
  - Menunjukkan akhlak yang baik
  - Menyediakan tempat tinggal

Calon mempersembahkan jawapan dengan jelas, tepat dan menepati kehendak tugas soalannya iaitu "bentuk bimbingan". Calon dapat menguasai ayat 6 surah at-Taubah.

i) Dua bentuk ber bimbingan yang disarankan oleh Islam

- |                           |                               |
|---------------------------|-------------------------------|
| 1. <u>Dakwah Islamiah</u> | 4. <u>Secara lemah-lembut</u> |
| 2. <u>Tempat tinggal</u>  | 5. <u>Berhemah</u>            |
| 3. <u>Keselamatan</u>     | 6. <u>Perbincangan</u>        |

Jawapan di atas adalah fakta yang bercampur-campur antara "bentuk bimbingan" dan "cara perlindungan" walaupun calon memberi contoh jawapan yang lebih. Calon kurang jelas mengenai konsep "bentuk bimbingan" dalam ayat di atas.

i) Dua bentuk disarankan oleh Islam

1. Memantahkan negara
2. Kuatkan orang-orang Islam

Jawapan yang dikemukakan adalah kabur dan ringkas. Jawapan calon memerlukan tafsiran. Calon tidak memahami konsep "bentuk bimbingan" dan gagal menguasai isi kandungan ayat 6 surah at-Taubah.

### **Soalan 3 (a)(ii)**

Jelaskan strategi dakwah berkesan bagi menarik minat orang bukan Islam memeluk Islam

Soalan ini meminta calon menjelaskan strategi dakwah berkesan bagi menarik minat orang yang bukan Islam memeluk Islam.

iii) Strategi dakwah

- ~~Menggunakan pendekatan melalui orang muda~~
- bertiasa menawarkan perdamaian
- Menggunakan tutur kata yang sopan ketika berdakwah
- Tidak mengikut emosi supaya dapat menunjukkan akhlak yang baik
- Menggunakan pendekatan melalui media elektronik
- Tidak memaksa supaya pendengar merasakan Islam itu indah.
- Menggunakan pendekatan melalui orang muda ~~set~~ kerana mereka golongan yang masih mencari perkara sebenar.

Calon mengemukakan contoh jawapan yang banyak, jelas, mantap dan menepati kehendak soalan. Calon menguasai pengetahuan dan kemahiran berfikir dengan baik. Jawapan calon menepati konsep "strategi" yang dikehendaki dalam soalan.

(ii) Strategi dakwah berkesan bagi menarik minat orang bukan Islam

1. memberikan perlindungan kepada mereka samada keselamatan, tempat tinggal dan makanan
2. menunjukkan contoh teladan yang baik kepada mereka
3. Menggunakan teknologi pada zaman moden seperti televisyen dan telefon bimbit
4. mengadakan perbincangan.

Calon mengemukakan jawapan yang menepati kehendak soalan tetapi isinya berulang. Sebahagian kecil calon mengemukakan jawapan umum dan tidak spesifik. Calon masih menguasai isi pelajaran ayat 6 surah at-Taubah dengan baik.

ii) Strategi dakwah menarik minat orang bukan Islam memeluk Islam.

- Cakap lemah lembut dengan agama lain dan agama Islam lah yang sempurna.

Calon mengemukakan jawapan yang ringkas, terhad dan masih memenuhi kehendak soalan. Soalan meminta calon menulis "strategi" tetapi calon memberikan jawapan "bimbingan" namun masih boleh diterima kerana soalan berbentuk umum.

### Soalan 3 (a)(iii)

Jelaskan dua kesan peperangan kepada negara.

Soalan ini meminta calon menjelaskan dua kesan peperangan kepada negara.

iii) Dua kesan peperangan kepada negara

- negara akan mundur dari segi ekonomi kerana harta negara banyak digunakan untuk berperang.
- negara tidak aman dan selamat kerana peperangan berlaku di mana-mana sahaja dan membahayakan nyawa.

Calon mengemukakan contoh jawapan yang banyak dan menepati dengan konsep soalan "kesan" iaitu memerlukan jawapan negatif. Jawapan yang dikemukakan adalah fakta yang lengkap dan mantap bertepatan dengan konsep kata tugas soalan "jelaskan". Calon menguasai isi pelajaran surah al-Taubah ayat 6 dengan baik.

iii) Dua kesan peperangan kepada negara

1. Kehilangan nyawa
2. Kemusnahan harta
3. Negara mundur
4. Politik negara tidak stabil
5. Ekonomi negara mut mundur
6. Masyarakat hidup sengsara

Calon mengemukakan contoh jawapan yang banyak dan menepati dengan konsep soalan "kesan". Jawapan adalah fakta yang lengkap dan mantap. Calon menguasai isi pelajaran surah al-Taubah ayat 6 dengan baik.

iii) Dua kesan peperangan kepada negara

1. Agama berperang sesama negara
1. Tidak hormat sesama kaum

Calon mengemukakan jawapan yang terlalu ringkas, dan terdapat jawapan yang tidak menepati kehendak tugas soalan

### Soalan 3 (b)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالتَّوَّافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْتَاطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطَيْتُهُ وَلَنْ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيدَنَّهُ.  
(رواه البخاري)

Hadis di atas menerangkan ciri-ciri orang soleh yang melakukan ibadat sunat (nawafil) untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

### Soalan 3 (b)(i)

Nyatakan dua contoh ibadat nawafil.

Soalan ini meminta calon menyatakan contoh ibadat nawafil.

(i) Dua contoh ibadat nawafil

- membaca Al-Quran
- berzikir, bertosbih dan bertahmid
- puasa sunat
- solat sunat
- sujud syukur

Calon mengemukakan jawapan yang tepat, jelas, lengkap, banyak contoh dan menepati kehendak soalan. Jawapan memenuhi kehendak soalan iaitu "contoh" ibadat nawafil dengan baik. Calon memahami dan menguasai kandungan hadis "Orang beriman kekasih Allah" serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

(a)(i) Dua contoh ibadat nawafil

1. Solat sunat seperti tahajjud
2. Puasa sunat
3. Membaca al-quran
4. Berzikir

Jawapan di atas adalah tepat, mempunyai banyak contoh dan menepati kehendak soalan iaitu "contoh" ibadat nawafil dengan baik. Calon memahami dan menguasai kandungan hadis "Orang beriman kekasih Allah".

Dua contoh ibadat nawafil

berbuat baik dengan semua makhluk Allah swt

melakukan ibadat sunat nawafil dengan seikhlas hati tanpa paksaan

Contoh di atas adalah jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Soalan meminta calon memberi "contoh" ibadat nawafil berdasarkan hadis tetapi jawapan yang diberi adalah salah kerana tidak memahami maksud ibadat nawafil.

### Soalan 3 (b)(ii)

Jelaskan dua kelebihan orang yang mengamalkan ibadat nawafil.

Soalan ini meminta calon menjelaskan kelebihan orang yang mengamalkan ibadat nawafil.

ii) 2 kelebihan

- Mendapat ganjaran pahala kerana yang banyak kerana mengerjakan ibadah sunat
- Diredhai dan disukai Allah kerana cuba mendekatkan diri kepadanya
- Sentiasa berada dalam ketenangan kerana hidup diberkati Allah

Calon mengemukakan jawapan yang baik dan menepati kehendak soalan iaitu "kelebihan" amalan ibadat nawafil dalam hadis. Contoh jawapan yang banyak dan disusun dengan baik dan teratur. Calon memahami dan menguasai isi pelajaran hadis serta kemahiran berfikir yang tinggi.

ii) Dua kelebihan orang yang mengamalkan ibadat nawafil

1. Mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT kerana melakukan ibadat kepada Allah SWT.
2. Diredhai oleh Allah SWT

Calon mengemukakan contoh jawapan yang terhad. Sebahagian kecil calon mengemukakan jawapan secara umum contohnya "mendekatkan diri kepada Allah" kerana tidak memahami maksud ibadat nawafil yang sebenar.

Dua kelebihan orang yang mengamalkan ibadat nawafil  
amalan menjadi betul  
dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT

Calon mengemukakan jawapan yang terlalu ringkas dan menyimpang daripada kehendak soalan yang meminta "kelebihan" ibadat nawafil dalam hadis. Calon keliru dan tidak menguasai maksud nawafil dengan jelas.

### Soalan 3 (b)(iii)

Terangkan dua pengajaran yang dapat diamalkan daripada hadis di atas.

Soalan ini meminta calon menerangkan pengajaran yang dapat diamalkan daripada hadis.

(iii) 2 pengajaran

- Kita perlulah sentiasa memperbanyakkan ibadah-ibadah nawafil supaya diredhai Allah
- Sebagai murid, kita haruslah mendekati diri kepada Allah supaya Allah dapat membantu urusan belajar
- Sebagai orang Islam yang beriman, kita hendaklah sentiasa mencari keberkatan hidup supaya hidup lebih tenang

Calon mengemukakan contoh jawapan yang banyak dan menepati dengan konsep soalan "pengajaran" iaitu memulakan dengan "kita hendaklah.....". Jawapan adalah lengkap, mengandungi fakta dan huraian berkaitan hadis "Orang beriman kekasih Allah". Susunan ayat yang kemas dan teratur bertepatan dengan kata tugas "terangkan".

(iii) Dua pengajaran ayat

1. Kita haruslah menunaikan fardhu ain dan fardhu kifayah <sup>sentiasa</sup>
2. Kita mestilah beribadat kepada Allah s.w.t
3. Kita haruslah mendekati diri kepada Allah SWT

Calon mengemukakan contoh jawapan yang banyak dan menepati dengan konsep soalan "pengajaran" iaitu memulakan dengan "kita hendaklah.....". Sebahagian calon mengemukakan jawapan tanpa huraian. Sebahagian lagi dalam bentuk ayat pernyataan dan bukan konsep pengajaran yang memerlukan isi dan huraian yang lengkap

dua pengajaran yang dapat diamalkan daripada hadis di atas  
kita haruslah menjadi seorang insan yang soleh  
kita mestilah terima dengan ikhlas jika menghadapi dugaan

Contoh jawapan di atas menepati konsep "pengajaran" tetapi isi menyimpang daripada kandungan hadis "Orang beriman kekasih Allah SWT".

**Soalan 3 (c)**

- (c) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu **A** dan **B**.  
Pilih jawapan yang betul daripada potongan kalimah tersebut supaya menjadi ayat yang lengkap seperti dalam al-Quran.

Anda dikehendaki menulis nombor soalan dan jawapan yang betul (**A** atau **B**) sahaja.

(i)	<p>لَقَدْ جَاءَكُمْ (كَانَ لَكُمْ) رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا (B) (A) عَنْتُمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ (Surah at-Taubah: 128)</p>
(ii)	<p>فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ (الكَرِيمِ) (الْعَظِيمِ) ﴿١٢٩﴾ (B) (A) (Surah at-Taubah: 129)</p>
(iii)	<p>فَمَنْ أَبْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ (الْوَارِثُونَ) (الْعَادُونَ) ﴿٧﴾ (B) (A) (Surah al-Mukminun: 7)</p>
(iv)	<p>وَالَّذِينَ هُمْ (لِأَمْنَتِهِمْ) (لِفُرُوجِهِمْ) وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ (B) (A) (Surah al-Mukminun: 8)</p>

Soalan ini meminta calon memilih jawapan betul daripada potongan kalimah yang disediakan.

- (i) A  
(ii) B  
(iii) B  
(iv) A

Jawapan yang dikemukakan adalah tepat. Calon menguasai kemahiran ayat hafazan Surah al-Taubah ayat 128 – 129 dan surah al-Mukminun: ayat 7 – 8.

- c) i) A  
ii) B  
iii) A  
iv) B

Jawapan di atas adalah kurang tepat. Sebahagian kecil calon meneka jawapan kerana kurang mahir menguasai kemahiran membaca al-Quran serta tidak menguasai ayat hafazan Surah al-Taubah ayat 128 – 129 dan surah al-Mukminun: ayat 7 – 8.

- (c) i) B  
 ii) B  
 iii) B  
 iv) B

Calon mengemukakan jawapan dengan meneka sahaja. Calon gagal menghafal dan berkemungkinan tidak tahu membaca al-Quran.

#### Soalan 4 (a)

4 (a) Firman Allah SWT:

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِعَآئِنَتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِهَا خَرُّوا سُجَّدًا وَسَبَّحُوا بِحَمْدِ رَبِّهِمْ  
 وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿١٥﴾ تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ  
 خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾

(Surah as-Sajdah: 15 – 16)

Ayat di atas menyatakan sifat-sifat orang yang beriman antaranya ialah sujud kepada Allah SWT.

Berdasarkan ayat di atas,

#### Soalan 4 (a)(i)

Nyatakan dua jenis sujud yang dilakukan untuk mengharapkan pahala Allah SWT.

Soalan ini meminta calon menyatakan jenis sujud yang dilakukan untuk mengharapkan pahala daripada Allah SWT.

i. Jenis sujud yang dilakukan untuk mengharapkan pahala Allah  
ialah

- sujud tilawah

- sujud syukur

- sujud sahwie

Contoh jawapan yang menepati kehendak soalan. Jawapan jelas, tepat serta disusun atur dengan kemas. Calon menguasai isi kandungan surah as-Sajdah ayat 15 - 16 dengan baik.

4-a-i- jenis sujud:

- sujud syukur

- sujud sawie

Contoh jawapan yang menepati kehendak soalan. Jawapan jelas dan tepat tetapi terhad. Calon menguasai isi kandungan surah as-Sajdah ayat 15 – 16.

(a)(i) = Sujud untuk mendapatkan pahala dari Allah  
= untuk berdoa kepada Allah agar hidup  
sentiasa divedhai Allah

Jawapan di atas tidak memenuhi kehendak soalan. Ulasan diberi tidak beserta jawapan yang dikehendaki iaitu menyatakan "istilah jenis-jenis sujud". Calon tidak menguasai isi kandungan surah as-Sajdah ayat 15 – 16.

#### Soalan 4 (a)(ii)

Jelaskan dua sifat lain orang yang beriman kepada Allah SWT.

Soalan ini meminta calon menjelaskan sifat orang yang beriman kepada Allah SWT.

ii. Sifat lain orang yang beriman kepada Allah s.w.t

- membanyakkan amalan-amalan sunat
- melakukan segala perintah Allah serta meninggalkan larangan Allah
- sentiasa bersyukur dengan rezeki pemberian Allah
- sering berzikir kepada Allah
- khushuk dalam melaksanakan ibadah
- zاهد dalam menjalani kehidupan di dunia.

Contoh jawapan yang mantap dan jelas serta menepati kehendak soalan. Calon memberikan contoh jawapan yang banyak dan betul. Calon jelas memahami, menguasai serta mempunyai kemahiran berfikir dengan baik di dalam isi kandungan surah as-Sajdah ayat 15 – 16.

4. a. ii. sifat :

- tawadduk melakukan perintah Allah
- khushuk ketika beribadah untuk mendapatkan penghayatan
- sentiasa merasakan rendah diri terhadap Allah SWT
- tegas meninggalkan perkara larang kerana takutkan azab Allah.
- menjaga hubungan sesama manusia

Jawapan di atas adalah jelas serta menepati kehendak soalan. Jawapan yang dikemukakan banyak tetapi berulang-ulang. Calon jelas memahami, menguasai isi kandungan surah as-Sajdah ayat 15 – 16.

Dua sifat lain orang yang beriman pada Allah SWT  
ialah :-

Orang yang sentiasa menegerakan ibadah fardhu  
kerana ingin mendapat keridaan Allah SWT  
Meninggalkan segala larangan Allah kerana Allah SWT  
murke terhadap orang yang melanggar larangan Allah  
SWT.

Contoh jawapan yang menyimpang dari kehendak soalan "sifat". Sebahagian calon memberi jawapan yang tiada kaitan dengan ayat. Calon jelas tidak memahami isi kandungan surah as-Sajdah ayat 15 – 16.

#### **Soalan 4 (a)(iii)**

Terangkan dua pengajaran daripada ayat di atas

Soalan ini meminta calon menerangkan pengajaran daripada ayat.

iii. Pengajaran daripada ayat ialah

- kita perlulah memperbanyakkan ibadah sunat agar dapat  
meningkatkan keimanan kepada Allah.
- kita mestilah berusaha mempelajari ilmu fardhu ain dan  
fardhu kifayah agar kita tidak terjebak dengan perkara negatif.
- kita perlulah sedar akan kekurangan diri lalu berusaha  
mempertbaikinya agar dapat mendekatkan diri dengan Allah

Jawapan di atas menepati dengan konsep soalan "pengajaran" iaitu memulakan dengan "kita hendaklah...". Jawapan menggunakan ayat lengkap, mengandungi "fakta dan huraian" yang disusun kemas serta teratur bertepatan dengan kata tugas "terangkan" berdasarkan kefahaman surah as-Sajdah ayat 15 – 16.

Pengajaran ayat

- kita mestilah sentiasa sujud kepada Allah  
sebagai tanda mengabdikan diri kepada-Nya
- kita hendaklah menjaga ibadah wajib  
lalu supaya alidah kita terjamin
- kita harus meningkatkan keimanan dan  
ketakwaannya supaya dikasihi Allah SWT

Calon mengemukakan jawapan yang menepati dengan konsep soalan "pengajaran" kerana jawapan dimulakan dengan "kita hendaklah...". Ayat lengkap beserta "fakta dan

huraian” yang sesuai dengan kata tugas “terangkan” . Calon menguasai kefahaman surah as-Sajdah ayat 15 – 16.

- iii) = Sentiasa beriman kepada Allah  
 = Sentiasa menunjukkan akhlak yang baik  
 = Bersyukur dengan segala nikmat yang  
dikurniakan oleh Allah

Jawapan di atas adalah menyimpang daripada kehendak soalan Jawapan meneka dan tidak menjawab kata tugas “terangkan” yang memerlukan calon menulis isi dan huraian. Calon gagal menguasai kehendak soalan dan isi pelajaran surah as-Sajdah ayat 15 – 16 iaitu peribadi mukmin.

#### Soalan 4 (b)

- (b) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu **A** dan **B**.  
 Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah.

Anda dikehendaki menulis nombor soalan dan jawapan yang betul (**A** atau **B**) sahaja.

No.	Potongan Ayat al-Quran	Hukum Tajwid	
		A	B
(i)	وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ (Surah al-An'am: 16)	Mad Lin	Mad Aridh Lissukun
(ii)	وَمِنْهُمْ مَنْ يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ (Surah al-An'am: 16)	Idgham Mislain	Idgham Maal Ghunnah
(iii)	فَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِهِمْ (Surah at-Taubah: 9)	Mad Silah Towilah	Mad Silah Qasirah
(iv)	لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى (Surah al-Hasyr: 24)	Mad Jaiz Munfasil	Mad Wajib Muttasil

Soalan ini meminta calon memilih nombor soalan dan jawapan yang betul (A atau B) dari hukum Tajwid: Mad Arid Lis Sukun, Idgham Mislain, Mad Silah Towilah dan Mad Wajib Muttasil.

4. b. hukum tajwid

i. - B

ii. - A

iii. - A

iv. - B

Calon menguasai kemahiran tajwid dengan baik kerana dapat membezakan antara hukum Mad Arid Lis Sukun dengan Mad Lin, Idgham Mislain dengan Idgham Maal Ghunnah, Mad Silah Tawilah dengan Mad Silah Qasirah dan Mad Jaiz Munfasil dengan Mad Wajib Muttasil

b)

i. A mad Lin

ii. A idgham mislain

iii. A mad silah Tawilah

iv. B mad wajib muttasil

Jawapan diberi menunjukkan calon kurang menguasai kemahiran tajwid dengan baik dan tidak tepat. Calon keliru antara hukum Mad Arid Lis Sukun dengan Mad Lin, Idgham Mislain dengan Idgham Maal Ghunnah, Mad Silah Tawilah dengan Mad Silah Qasirah dan Mad Jaiz Munfasil dengan Mad Wajib Muttasil

i) B

ii) B

iii) B

iv) B

Contoh jawapan meneka kerana calon tidak menguasai kemahiran tajwid serta gagal membezakan antara hukum Mad Arid Lis Sukun dengan Mad Lin, Idgham Mislain dengan Idgham Maal Ghunnah, Mad Silah Tawilah dengan Mad Silah Qasirah dan Mad Jaiz Munfasil dengan Mad Wajib Muttasil.

**Soalan 4 (c)**

(c) Tulis semula petikan di bawah dalam tulisan jawi.

Tempoh kekuasaan empayar negara Islam selama tiga belas kurun serta keluasannya yang meliputi dua pertiga dunia menjadi bukti keagungannya yang tidak boleh disangkal lagi.

Soalan ini meminta calon menulis semula petikan rumi ke dalam tulisan jawi.

تَمَقُوهُ كَلَوِ اسَاءَن اِيْمَقَايَار نَكَارَا اِسْلَام  
 سَلَام تِيك بِلَس قَرُون سِرَتَا كَلَوِ اسِنْتَا  
 يَغ مَلِيْقُوْتِي دَوَا فَرْتِيك دُنْيَا مَنجَادِي  
 بُوْقِي كَا كُوْعِنْت يَغ تِيْدِق بُولِيَه دَسْغَلَل  
 لَآكِي

Calon menjawab petikan rumi dengan betul dan tepat. Calon menggunakan kaedah jawi Dewan Bahasa dan Pustaka. Calon menguasai sepenuhnya kemahiran tulisan jawi termasuklah penulisan suku kata terbuka dan tertutup, imbuhan akhiran “an”, perkataan tradisi dan kata serapan Arab (kurun).

4-c. jawikan :

تَمَقُوهُ كَلَوِ اسَاءَن اِيْمَقَايَار نَكَارَا اِسْلَام  
 سَلَام تِيك بِلَس قَرُون سِرَتَا كَلَوِ اسِنْتَا  
 يَغ مَلِيْقُوْتِي دَوَا فَرْتِيك دُنْيَا مَنجَادِي  
 بُوْقِي كَا كُوْعِنْت يَغ تِيْدِق بُولِيَه  
 دَسْغَلَل لَآكِي

Calon menulis sebahagian daripada petikan rumi ke dalam tulisan jawi tetapi kurang menepati kaedah jawi Dewan Bahasa dan Pustaka. Calon belum menguasai sepenuhnya kemahiran tulisan jawi terutama imbuhan akhiran “an”, penulisan suku kata terbuka dan tertutup, kata serapan Arab dan kata imbuhan.

(ب)

تَمَقُوْحَا كَلَوِ اسَاءَن اِيْمَقَايَار نَكَارَا اِسْلَام  
 سَلَام بَارِنْد كَرُون - - - يَغ  
 دَوَا - - - يَغ  
 بُولِيَه - - -

Calon menulis sebahagian petikan sahaja. Calon gagal menguasai sebahagian besar kemahiran jawi termasuk imbuhan akhiran “an”, penulisan suku kata terbuka dan tertutup, kata serapan Arab dan kata imbuhan. Terdapat juga calon hanya menulis kalimah yang mudah sahaja seperti “yang” “lagi”.

### Soalan 5(a)

5 (a) Firman Allah SWT:

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ ۚ  
وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ  
إِلَّا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ ۚ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا  
إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ  
الْمُتَكَبِّرُ ۚ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ  
الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ۚ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَهُوَ  
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

(Surah al-Hasyr: 21 – 24)

Ayat di atas menerangkan kehebatan dan kemuliaan al-Quran.

Berdasarkan ayat di atas,

### Soalan 5(a)(i)

Nyatakan dua nama lain bagi al-Quran.

Soalan ini meminta calon menyatakan dua nama al-Quran.

2 nama lain bagi Al-Quran

- Al-kitab
- Al-Furqan
- Al-Bayan
- Al-Zikr

Jawapan yang jelas, lengkap dan menepati kehendak soalan serta dapat menyatakan nama lain bagi al-Quran. Calon menguasai kandungan surah al-Hasyr ayat 21 - 24 dengan baik.

(1) Dua nama lain bagi al-Quran

- Kalamullah
- Nur Karim
- Kalam Allah

Jawapan di atas adalah yang kurang tepat, tidak jelas, tidak lengkap dan kurang menepati kehendak soalan. Calon dapat memberi nama lain bagi al-Quran dan boleh memberi jawapan terhad sahaja. Sebahagian kecil calon memberi jawapan yang salah kerana keliru antara nama-nama tuhan dengan surah al-Quran.

i) Dua nama lain bagi Al-Quran

- i) Al-Karim
- ii) Kitab kebenaran

Contoh di atas adalah jawapan yang menyimpang daripada kehendak soalan. Soalan menghendaki nama lain bagi al-Quran tetapi calon mengemukakan jawapan yang tiada kaitan langsung dengan tugas soalan. Calon hanya mengetahui kalam Allah.

#### **Soalan 5 (a) (ii)**

Jelaskan dua cara menghayati al-Quran.

Soalan ini meminta calon menjelaskan cara menghayati al-Quran.

2 cara menghayati Al-Quran

- Membacanya serta memahami <sup>maksud</sup> setiap kalimah terabut.
- Menghafaz Al-Quran seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan.
- Membaca dengan cara bacaan yang betul supaya maksudnya tidak terpesong.

Jawapan yang jelas dan menepati kehendak soalan. Contoh jawapan disusun dengan baik, kemas mengikut struktur ayat yang lengkap bersesuaian dengan kata tugas "jelaskan". Calon memahami konsep menghayati al-Quran dalam kehidupan seharian. Calon menguasai isi pelajaran surah an-Hasyr ayat 21 - 24, "Kemuliaan al-Quran" dengan baik.

ii) 2 cara menghayati al-Quran

→ membaca al-Quran dengan tajwid yang betul.

→ memahami maksud setiap bait ayat di dalam al-Quran.

Jawapan yang jelas dan menepati kehendak soalan. Ayat yang lengkap bersesuaian dengan kata tugas "jelaskan" tetapi memberi pilihan jawapan yang terhad. Calon memahami konsep menghayati al-Quran dalam kehidupan seharian. Calon menguasai isi pelajaran surah an-Hasyr ayat 21 - 24, Kemuliaan al-Quran.

ii) Dua cara menghayati Al-Quran

i) membacanya

ii) menghafal

Calon memberi pilihan jawapan yang ringkas sahaja tanpa huraian. Calon tidak menguasai isi kandungan pelajaran.

### **Soalan 5 (a) (iii)**

Jelaskan dua tanda kepatuhan semua makhluk terhadap Allah SWT.

Soalan ini meminta calon menjelaskan tanda kepatuhan semua makhluk terhadap Allah SWT.

5a(iii) Dua tanda kepatuhan semua makhluk:

1- Sentiasa berzikir kepada Allah S.W.T.

2- Sentiasa patuh kepada perintah Allah

3- Sentiasa mengikut ketentuan yang ditetapkan Allah.

Calon mengemukakan pilihan jawapan tepat, banyak pilihan serta mengikut konsep soalan "tanda kepatuhan semua makhluk". Ayat yang lengkap dengan huraian yang disusun atur dan kemas bertepatan dengan kata tugas "jelaskan" berdasarkan kefahaman ayat 21 - 24 surah an-Hasyr.

cili) Dua tanda kepatuhan semua makhluk terhadap Allah SWT.

- Pokok buah-buahan mengikut fitrahnya sebagai pokok dan akan sentiasa menghasilkan buah.
- Matahari akan sentiasa muncul pada waktu siang dan bulan akan muncul pada waktu malam seperti yang telah ditetapkan oleh Allah.
- Planet-planet di cakrawala akan sentiasa mengelilingi matahari pada orbitnya dan tidak akan berlanggar selagi belum tibanya kiamat.

Calon mengemukakan jawapan yang terhad. Tetapi masih menepati konsep soalan "tanda kepatuhan semua makhluk". Terdapat sebahagian calon masih keliru antara "tanda" dan "contoh". Calon lebih memberi jawapan "contoh" sedangkan konsep soalan memerlukan "tanda kepatuhan semua makhluk".

ii) Dua tanda kepatuhan semua makhluk terhadap Allah S.W.T.

- bersujud kepada Allah
- mengikut apa yang disuruh

Sebahagian besar calon tidak memahami kehendak soalan dan memberi jawapan yang salah iaitu hanya berfokus kepada manusia sahaja.

### Soalan 5 (b)

- (b) Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Anda dikehendaki menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.

Izhar Halqi	Ikhfak Hakiki	Idgham Maal Ghunnah	Idgham Bila Ghunnah
-------------	---------------	---------------------	---------------------

(i)	<u>مِنْ دَابَّةٍ</u>	(iv)	<u>إِنَّ أَتَّكُم</u>
(ii)	<u>أَنْ يُنَزَّلَ</u>	(v)	<u>مِنْ رَبِّهِ</u>
(iii)	<u>جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَشِيعًا</u>	(vi)	<u>قَرْنًا ءَاخِرِينَ</u>

Soalan ini meminta calon menulis hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

- i. Ikhfa Hakiki
- ii. Idgham Maal Ghunnah
- iii. Idgham Bila Ghunnah
- iv. Izhar Halqi
- v. Idgham Bila Ghunnah
- vi. Izhar Halqi

Calon menguasai kemahiran tajwid dengan baik seperti Izhar Halqi, Ikhfa Hakiki, Idgham Maal Ghunnah dan Idgham Bila Ghunnah. Calon dapat mengemukakan jawapan dengan tepat dan betul.

- (i) Ikhfa Hakiki
- (ii) Idgham Maal Ghunnah
- (iii) Idgham Bila Ghunnah
- (iv) Izhar Halqi
- (v) Ikhfa Hakiki
- (vi) Izhar Halqi

Calon masih menguasai kemahiran tajwid dengan baik seperti Izhar Halqi, Ikhfa Hakiki, Idgham Maal Ghunnah dan Idgham Bila Ghunnah. Calon mengemukakan sebahagian jawapan dengan betul dan tepat. Walau bagaimanapun terdapat juga kesilapan jawapan disebabkan kekeliruan hukum tajwid.

- b.
- i) Ikhfa Hakiki
- ii) Izhar Halqi
- iii) Ikhfa Hakiki
- iv) Idgham maal ghunnah
- v) Idgham maal ghunnah
- vi) Idgham bila ghunnah

Calon gagal mengemukakan jawapan yang menepati dengan kehendak soalan kerana calon tidak menguasai kemahiran tajwid. Calon hanya meneka dengan memberi jawapan yang sama malah ada yang menyalin potongan ayat al-Quran sebagai jawapan.

(c) Tulis semula pernyataan di bawah dalam tulisan rumi.

(i)	سواسان هرموني ثرلو دككلكن اونتوق ممنتوق كرجاسام سچارا كوليكتيف دالم مباحونكن نكارا.
(ii)	اومت إسلام مستيله ثريهاتين ترهادف ماكنن دان مينومن يغ حلال دان برخاصيت.
(iii)	كهيدوثن مريك برقندوكن عقيدة يغ بنر دان برسبه درقد عملن خرافة دان بدعة.
(iv)	رعية واجب منطاعتي قميمقين سلاكي قميمقين تيدق مپوروه مريك ملاكوكن ثركارا معصية.

Soalan ini meminta calon menjawab petikan rumi.

- c) i) Suasana harmoni perlu ditetapkan untuk membentuk kerjasama secara kolektif dalam membangunkan negara
- ii) Umat Islam mestilah prihatin terhadap makanan dan minuman yang haram dan berkhasiat
- iii) Kehidupan mereka berpandukan akidah yang benar dan bersih daripada amalan khurafat dan bidah
- iv) Rakyat wajib mentaati pemimpin selagi pemimpin tidak menyuruh mereka melakukan perkara maksiat

Calon merumikan petikan jawi dengan betul dan tepat dengan menggunakan kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka. Calon menguasai sepenuhnya kemahiran membaca jawi seperti perkataan suku kata terbuka dan tertutup, imbuhan akhiran "an", penulisan huruf hamzah, perkataan tradisi, kata serapan Arab dan kata pinjaman bahasa Inggeris.

- c - (i) Suasana harmoni perlu di \_\_\_\_\_ untuk membentuk  
kerjasama secara \_\_\_\_\_ dalam membangunkan negara.
- (ii) Umat Islam mestilah \_\_\_\_\_ terhadap makanan dan  
minuman yang haram dan \_\_\_\_\_.
- (iii) Kehidupan mereka \_\_\_\_\_ akidah yang benar dan  
bersih daripada amalan \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
- (iv) Rakyat wajib mentaati pemimpin selagi pemimpin  
tidak menyuruh mereka melakukan perkara \_\_\_\_\_.

Calon merumikan petikan jawi dengan sebahagiannya betul. Calon kurang menguasai kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka seperti perkataan suku kata terbuka dan tertutup, imbuhan akhiran "an", penulisan huruf hamzah, perkataan tradisi, kata serapan Arab dan kata pinjaman bahasa Inggeris.

c)

i) suasana harmoni perlu dikekalkan

ii) umat Islam mestilah

i

iv) rakyat wajib

Calon merumikan dan hanya mampu menulis beberapa kalimah daripada petikan jawi yang mudah sahaja. Calon gagal menguasai kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **SARANAN KEPADA CALON**

### **Sebelum peperiksaan**

1. Membuat nota dalam bentuk peta minda supaya mudah mengingat.
2. Membiasakan menjawab soalan KBKK.
3. Menghafaz ayat hafazan.
4. Memahami isi kandungan ayat kefahaman dan hadis dengan baik.
5. Membuat latihan tubi soalan pengajaran ayat dan hadis, hikmah, kelebihan dan kesan berdasarkan konsep sebenar pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.
6. Menguasai hukum tajwid dan cara bacaan.
7. Membuat latihan tubi menulis jawi mengikut kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Semasa Peperiksaan**

1. Membaca arahan soalan dengan teliti.
2. Membaca soalan dengan menggunakan nada yang betul supaya mudah memahami kehendak soalan.
3. Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menjawab.
4. Memahami kata tugas dan stem soalan.
5. Mengemukakan jawapan yang diberi mengikut kata tugas soalan contohnya "terangkan", "huraikan" dan "bagaimanakah" perlu dinyatakan fakta dan huraian.
6. Menjawab soalan jawi dengan mengikut kaedah Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Mengemukakan alternatif jawapan melebihi kehendak soalan.
8. Persembahkan jawapan hendaklah teratur dan sistematik.
9. Memulakan jawapan dengan menulis kata kunci soalan.
10. Menggunakan pen dakwat hitam dan biru yang terang.
11. Tuliskan hendaklah kemas dan boleh dibaca.
12. Menjawab soalan dalam buku jawapan mengikut urutan nombor soalan.

### **Selesai menjawab**

1. Semak semula jawapan pada semua soalan.
2. Ikat kertas jawapan dan helaian tambahan (jika ada) dengan benang yang disediakan dengan simpul mati bukan simpul riben.
3. Hantar kertas jawapan apabila diarah berbuat demikian.
4. Akhiri dengan kalimah Alhamdulillah dan bertawakkal kepada Allah.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Menguasai Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan dan Buku Teks.
2. Menggunakan buku teks sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Mengajar mengikut objektif Sukatan Pelajaran mengikut Huraian Sukatan Pelajaran (HSP).
4. Menyelesaikan sukatan pelajaran lebih awal mengikut Rancangan Tahunan.
5. Memastikan semua tajuk dalam sukatan pelajaran dipelajari oleh murid.
6. Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut kesesuaian tajuk dengan memasukkan elemen KBAT dalam penyoalan.
7. Memastikan murid dapat membezakan konsep-konsep asas dalam Pendidikan Islam seperti maksud, ciri, contoh, sebab berlaku, sebab larang, hikmah larangan, pengajaran dan lain-lain yang berkaitan dengan baik.
8. Memberi pendedahan yang jelas dan tepat tentang istilah-istilah Bahasa Arab yang terdapat di dalam buku teks untuk mengelakkan kekeliruan murid.
9. Laksanakan program latih-tubi secukupnya terutama bentuk soalan pengajaran dan maksud potongan ayat, soalan KBAT, kemahiran jawi dan tajwid secara berterusan.
10. Menguasai teknik menjawab soalan Pendidikan Islam dengan betul dan jelas.
11. Dapatkan soalan-soalan peperiksaan percubaan negeri-negeri lain
12. Menyediakan soalan mengikut JSU dan menanda skrip jawapan murid mengikut kaedah penandaan yang betul.